

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.11.2016

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian serta statistik terkini terhadap keberkesanan pelaksanaan pemberian BR1M dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat ini dan apakah kaedah serta pendekatan terbaru yang diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan

rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. BR1M juga akan meningkatkan perbelanjaan rakyat seterusnya membantu dalam memacu ekonomi dan menjana pertumbuhan perniagaan domestik. Setakat ini, tiada kajian khusus yang dibuat oleh pihak Kerajaan terhadap program BR1M. Walaubagaimanapun, hasil maklumbalas dari penerima mendapati bahawa bantuan ini telah banyak membantu penerima dalam mengurangkan beban perbelanjaan terutamanya dalam perbelanjaan harian.

Dalam usaha menambah baik lagi pemberian BR1M untuk membantu golongan sasaran, Kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan jumlah bantuan BR1M contoh tahun 2017 seperti berikut:

Kategori Pendapatan	NILAI (RM)
Peserta e-kasih	1200
RM0 - RM3,000	1200
RM3001 - RM4,000	900
Individu	450

Selain itu, dalam pembentangan Bajet 2017, Kerajaan juga telah mengumumkan beberapa langkah bagi menangani kos sara hidup serta meningkatkan pendapatan rakyat seperti berikut:

1. Elaun sara hidup nelayan RM200 - RM300 sebulan kepada

57,000 nelayan

2. Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM2,500 setiap tahun mulai tahun taksiran 2017 (digabungkan sebagai pelepasan cukai gaya hidup)
3. Memperluas Program Mobilepreneur
4. Melaksana Program Agropreneur Muda
5. Menggiatkan Program eUsahawan & eRezeki
6. Menggalak B40 (penerima BR1M) menjana pendapatan sebagai pemandu ride-sharing seperti UBER. Bagi yang tiada kenderaan, pendahuluan boleh dibayar menggunakan BR1M & rebat sehingga RM4,000 bagi membeli Proton Iriz
7. Meningkatkan peluang & kapasiti perniagaan Bumiputera melalui SME Bank
8. Program keusahawanan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia
9. Membantu usahawan kecil TEKUN, termasuk skim baharu TEMANITA
10. Program Pembiayaan Keusahawanan & Premis Perniagaan PUNB
11. Program keusahawanan MARA seperti industri halal, usahawan belia & latihan
12. Pinjaman kepada komuniti Cina melalui, KOJADI, Malaysian Chinese Women Entrepreneurs Foundation dan Yayasan

Penjaja & Peniaga Kecil 1Malaysia

**13. Program peningkatan kapasiti dan pendapatan masyarakat
India melalui TEKUN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 NOVEMBER 2016
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

SOALAN :-

Y.B. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pindaan terhadap Akta Pengurusan Strata 2013 akan dilakukan bagi membolehkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) ditubuhkan atau terus wujud walaupun Perbadanan Pengurusan (MC) telah wujud apabila buku strata dibuka tetapi MC tidak dapat beroperasi, tanpanya jawatankuasa pengurusan yang dipilih melalui mesyuarat agung tahunan (AGM) pertama yang hanya dapat dipanggil apabila terdapat 25% unit syer terkumpul dipinda milik melalui hakmilik strata masing-masing.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak bercadang untuk meminda Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bagi membenarkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) ditubuhkan selepas kuatkuasa Akta 757 pada 1 Jun 2015. Walau bagaimanapun, Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang telah ditubuhkan di bawah Akta 663 masih diiktiraf sebagai satu badan yang sah mengikut perundangan di bawah Sek.38 Akta 757. Badan berkenaan boleh terus melaksanakan tanggungjawab pengurusan di kawasan pemajuan sehingga ianya dibubarkan.

Pembubaran JMB tersebut perlu dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan setelah Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Perbadanan Pengurusan (MC) dijalankan. Pembubaran ini adalah selaras dengan Sek. 27 (1) Akta 757. Pra syarat bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama MC ini adalah setelah 25% unit syer terkumpul dipindah milik kepada pembeli.

Kementerian sedia maklum, bahawa kita masih berhadapan dengan situasi di mana pembeli-pembeli petak strata belum memiliki hakmilik strata. Ketiadaan hakmilik strata ini menyebabkan MC yang terdiri daripada pemilik-pemilik petak tidak dapat diwujudkan kerana gagal memenuhi pra syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertama iaitu pindah milik 25% unit syer terkumpul kepada pembeli.

Kerajaan amat prihatin dengan keperluan untuk memperkasakan (*empowerment*) pembeli-pembeli petak, menguruskan skim strata secara kolektif. Oleh yang demikian, kewujudan JMB ini perlu diteruskan dalam Akta 757 walaupun pada masa yang sama MC telah wujud melalui pembukaan buku daftar strata. Ini memandangkan MC tersebut tidak mempunyai jawatankuasa yang terdiri daripada pemilik-pemilik petak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016